

## **Bukan Islam guna kalimah boleh didakwa di Mahkamah Sivil**

**K**UALA LUMPUR: Rakyat bukan Islam yang melanggar peraturan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam di 10 negeri dengan menggunakan kalimah Allah boleh didakwa di Mahkamah Sivil kerana melanggar Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata, empat negeri iaitu Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan boleh menggunakan kalimah itu.

"Bagi 10 negeri ini yang termaktub undang-undangnya mengenai larangan menggunakan kalimah Allah melalui Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam, semua pihak kena patuhi. Jadi terpujang kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk membuat laporan polis jika ada pelanggaran undang-undang.

"Siasatan akan dilakukan polis dan jika ada kesalahan pihak terbabit boleh didakwa di Mahkamah Sivil kerana melanggar perlembagaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Hak Pengguna Pengangkutan Awam anjuran Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) di Hentian Puduraya di sini, semalam.

Tujuh negeri termasuk Selangor, Pahang, Kedah, Johor, Melaka, Terengganu dan Negeri Sembilan sudah menguatkuasakan enakmen itu sementara Kelantan, Perak dan Perlis yang mempunyai enakmen berkenaan kini sedang dalam proses untuk diwartakan.

Nazri berkata, penganut Kristian Islam di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan boleh menggunakan kalimah Allah kerana negeri terbabit masih belum menggubal undang-undang berkenaan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan sepatutnya menarik balik kes penggunaan kalimah Allah di Mahkamah Tinggi, bagi meredakan keadaan, Nazri berkata, Tan Sri Murphy Pakiam (Ketua Bishop Roman Katolik Kuala Lumpur) yang patut berbuat demikian.

"Bukan kerajaan yang bawa perkara itu ke mahkamah tetapi Pakiam yang membawa kes itu, jadi beliau yang sepatutnya menarik balik kes itu," katanya.

Nazri juga ditanya sama ada kes itu boleh diselesaikan di luar mahkamah, beliau berkata, ia sudah terlambat dan biarlah mahkamah yang memutuskannya.